

# Pengaruh Adat Arab dalam Perundangan Islam

Mohamed Azam Mohamed Adil

## Abstract

*The Islamic legal system has a close relation with the traditional practice of the Arabs which covers muamalah, family relationship, criminal and so forth. However, in all cases al-Quran together with al-Hadith remains the decisive factor in accepting, modifying and rejecting those practices before being accepted as part of the Islamic Shariat or Law.*

Persoalan mengenai tarikh sebenar bermulanya perundangan Islam menjadi suatu perbincangan yang menarik di kalangan cendekiawan Islam mahupun Barat. Mengikut sesetengah orientalis Barat, perundangan Islam yang dikenali dengan fiqh hanya bermula pada kurun pertama Hijrah.<sup>1</sup>

Tetapi menurut para sarjana Islam dan sesetengah sarjana Barat, terutama mereka yang lahir selepas zaman Goldziher dan Schacht, ia terbentuk semenjak wahyu pertama diturunkan kepada Nabi Muhammad s. 'a.w.<sup>2</sup>

Mengikut sesetengah sarjana Barat lagi, perkembangan fiqh dalam bentuk yang wujud pada hari ini hanya bermula di bawah pemerintahan Abbasiyah.<sup>3</sup>

Kerana sistem perundangan yang terpakai sebelum itu iaitu di zaman Umayyah kebanyakannya berorientasikan adat lama Arab. Sebagai contohnya, kata mereka ialah sistem pemakaian orang tengah (arbitrator) dan pembahagian harta pusaka yang memihak kepada golongan lelaki. Ia merupakan satu sistem adat Arab yang tebal. Namun begitu ia telah dibawa masuk ke dalam sistem perundangan Islam dan terpakai sehingga kini.

Sebelum kedatangan Islam, masyarakat Arab terkenal dengan taksu perkauman. Setiap puak mempunyai ketua masing-masing. Jawatan ini akan diwarisi oleh keturunan suku kaum tersebut. Sistem perundangan yang terpakai di kalangan mereka berbentuk tidak bertulis dan mempunyai ciri-ciri yang tersendiri sesuai dengan puak masing-masing. Syeikh Kabilah atau ketua puak berkenaan tidak mempunyai sebarang kuasa untuk campurtangan dalam sistem ini. Hasilnya, pelaksanaan undang-undang tersebut tidak tercatat. Apa yang diamalkan hanyalah yang bersangkutan paut dengan hak individu, terutamanya yang melibatkan kecederaan akibat pergaduhan. Perbalahan di antara dua puak lazimnya didamaikan oleh orang tengah. Satu perkara yang unik dalam sistem orang tengah ini ialah ia dilantik oleh puak-puak yang bertelagah dan keputusan orang tengah ini akan dipatuhi.

Tahun 622 Masihi telah menyaksikan penubuhan masyarakat Islam di Madinah. Suku dan puak Arab dapat menerima Nabi Muhammad s. 'a.w. sebagai Rasulullah dan jurucakap Allah.<sup>4</sup>

Peranan utama Nabi Muhammad s. 'a.w. adalah sebagai orang tengah. Baginda dapat menyelesaikan segala permasalahan yang timbul sama ada melalui penurunan wahyu ataupun baginda sendiri berijtihad. Walaupun Allah menurunkan al-Quran sebagai pedoman kepada baginda, ia bukan merupakan suatu kod undang-undang dalam menyelesaikan permasalahan undang-undang.

Al-Quran yang dikenali sebagai mukjizat Nabi Muhammad s. 'a.w. dan merupakan kitab suci bagi orang-orang Islam sebenarnya merupakan satu buku panduan yang menyeluruh. Perkara-perkara yang berkaitan dengan undang-undang hanya disentuh dengan umum dan berbentuk dasar. Justeru itu, adalah tidak tepat kalau dianggap bahawa al-Quran itu sudah memadai tanpa penghuraian yang terperinci oleh al-Sunnah. Ertinya, tanpa al-Sunnah tidak akan wujud sistem perundangan Islam. Begitu juga sumbangan adat Arab dalam sejarah perundangan Islam tidak boleh dilupakan. Menafikan peranan adat Arab dalam hal ini, bererti menafikan kedudukan serta peranan Rasulullah sendiri.

Dalam menyentuh perkara-perkara yang berkaitan dengan undang-undang, al-Quran biasanya tidak menerangkan dengan jelas. Adalah tepat kalau dikatakan kewujudan adat Arab memang diakui dalam al-Quran. Begitupun tidak kesemua adat Arab itu diterima pakai dalam al-Quran. Sebahagiannya dihapuskan dan selebihnya diubahsuai. Persoalan seterusnya ialah, siapa yang menghapuskan atau mengubahsuainya. Pada pandangan orang Islam, Allah sahaja yang layak berbuat demikian tetapi ada kes-kes tertentu yang memerlukan Rasulullah s. 'a.w. berijtihad. Justeru itu, golongan Sunni berpendapat, adat Arab akan terus diamalkan kecuali ternyata dipinda dan diubahsuai oleh al-Quran. Ini berbeza dengan pandangan golongan

lan Umayyah  
kata mereka  
pusaka yang  
yang tebal.  
lan terpakai

an taksub  
in diwarisi  
in kalangan  
iri sesuai  
lan tidak  
hasilnya,  
anyalah  
ederaan  
h orang  
ik oleh

dinah.  
ah dan

ginda  
unan  
uran  
lang

dan  
ku  
ng  
at  
ci  
n  
k

Syiah. Bagi mereka, adat Arab telah dihapuskan kecuali dalam hal-hal yang diketengahkan oleh al-Quran. Satu contoh yang jelas perbezaan pendapat ini ialah dalam soal pembahagian pusaka. Syiah tidak mengiktiraf peranan 'asabah yang didominasi oleh kaum lelaki. Sedangkan golongan Sunni mendakwa sistem 'asabah ini adalah hasil pengubahsuaian dari adat Arab. Kenyataannya sistem 'asabah memang tidak wujud dalam al-Quran, tetapi diserap melalui Sunnah. Hasilnya, golongan Syiah mendakwa mereka sebenarnya mengikut ajaran al-Quran.<sup>5</sup>

Allah telah menurunkan al-Quran dalam bentuk yang unik, iaitu tidak secara sekaligus. Ayat-ayat al-Quran diturunkan secara berperingkat-peringkat sesuai dengan keperluan yang ada. Penurunan secara ini sebenarnya telah membantu penerimaan orang Arab terhadap al-Quran walaupun mereka memang terkenal dengan sikap fanatik terhadap adat mereka. Ia telah berjaya mengganti dan mengubah adat mereka kepada suatu peraturan baru. Satu contoh yang jelas dalam hal ini dapat dilihat dalam pengharaman arak dan judi. Pengharaman tersebut dimulakan dengan nasihat dan bukannya arahan. "*Mereka bertanya kepada kamu (Muhammad) tentang arak dan berjudi. Katakan kepada mereka, pada kedua-dua perkara itu terkandung dosa besar dan beberapa manfaat bagi manusia, tetapi dosa kedua-duanya lebih besar dari manfaatnya.*"<sup>6</sup> Ini diikuti dengan pengharaman minum arak bila mana hendak berdiri solat.

*"Hai orang-orang yang beriman, janganlah kamu kerjakan sembahyang ketika kamu sedang mabuk, kecuali kamu telah mengetahui apa-apa yang kamu katakan."<sup>7</sup>*

*(Akhirnya, ia ikuti dengan pengharaman sepenuhnya)*

*"Hai orang-orang yang beriman, sesungguhnya arak, judi, berhala dan bertenggang nasib adalah pekerjaan keji dari perbuatan syaitan. Sebab itu hendaklah kamu menjauhinya, mudah-mudahan kamu mendapat kemenangan. Sesungguhnya syaitan mengkehendaki supaya menjatuhkan kamu dalam permusuhan dan berbenci-bencian sesama kamu, kerana arak dan berjudi, serta menghalang kamu dari mengingat Allah dan mengerjakan solat. Adakah kamu berhenti (dari berbuat demikian?)."<sup>8</sup>*

Kandungan ayat-ayat mengenai undang-undang memang sedikit berbanding dengan jumlah keseluruhannya. Dari jumlah 6,219 ayat, hanya 80 ayat sahaja yang menyentuh hal undang-undang.<sup>9</sup>

Itupun bukan secara jelas dan terperinci. Hanya perkara-perkara yang berkaitan dengan undang-undang keluarga dan pewarisan saja nampaknya diterangkan dengan terperinci. Hal-hal yang melibatkan permasalahan perkahwinan seperti 'iddah, nafkah dan hak-hak isteri serta anak perempuan juga disebut dengan terperinci.

Tujuan utama al-Quran diturunkan ialah untuk membentuk sebuah masyarakat baru iaitu dari kegelapan kepada cahaya. Ia merupakan sebuah buku moral, mengandungi cerita-cerita sejarah serta khabar berita gembira dan buruk. Ayat-ayat yang menyentuh perundangan tidak tersusun rapi bahkan dalam surah-surah yang

berbeza.<sup>10</sup>

Apa yang berlaku ayat-ayat yang berbentuk undang-undang ini diturunkan kepada Nabi Muhammad s. 'a.w. dalam usaha untuk menyelesaikan permasalahan yang timbul. Sebagai contoh, perangkaan tinggi golongan lelaki yang terkorban dalam perang menentang orang kafir telah mengharuskan amalan berpoligami.<sup>11</sup>

Begitu juga dalam persoalan anak angkat. Surah *al-Ahzab*, ayat 37 dengan sendirinya mengiktiraf perkahwinan Nabi Muhammad s. 'a.w. dengan bekas isteri anak angkatnya iaitu Zaid. Dengan penurunan ayat ini, Allah telah memansuhkan pengambilan anak angkat, suatu amalan yang berleluasa sebelum itu.<sup>12</sup>

Begitu juga dalam hukuman sebat 80 kali dalam kes *Qazaf* di mana ayat 4 dari Surah *al-Nur* menggariskan hukuman berat ke atas mereka yang menuduh perempuan yang beriman berzina. Sebenarnya hukuman ini ditetapkan mengikut satu kejadian di mana berlaku satu tuduhan zina ke atas 'Aishah, isteri Nabi Muhammad s. 'a.w.<sup>13</sup>

Melihat kepada realiti kandungan al-Quran itu sendiri ternyata banyak adat-adat Arab yang diberi perhatian oleh al-Quran sendiri. Setengahnya dimodifikasi, dimansuh dan tidak ketinggalan yang diterima baik sepenuhnya. Secara keseluruhannya empat reformasi telah diperkenalkan oleh al-Quran. Pertama, persoalan mengenai pembahagian harta pusaka. Al-Quran telah mengubah sistem ini secara mutlak. Meskipun begitu, pengaruh adat Arab dalam perkara ini masih dapat dilihat. Konsep '*male agnates*' atau '*asabah*' yang sudah menjadi dasar sistem pembahagian pusaka orang Arab diubahsuai agar golongan wanita juga berhak mendapat habuan mereka. Dengan ini, sistem faraid yang diamalkan oleh golongan Sunni sehingga hari ini mempunyai kombinasi dari kedua-dua sumber.

Dalam al-Mughni Ibn Qudamah menyebut riwayat bagaimana isteri Sa'ad al-Rabi' berjumpa Rasulullah s. 'a.w. bersama dua anak perempuannya. Beliau bertanya kepada Rasulullah yang kedua orang ini adalah anak perempuan Sa'ad yang mati syahid di medan perang bersama Rasulullah. Bapa saudara mereka telah mengambil kesemua harta peninggalan Sa'ad mengikut sistem adat Arab iaitu '*male agnates*' atau '*asabah*'. Kemudian turun ayat faraid dan Rasulullah s. 'a.w. pergi berjumpa bapa saudara tersebut. "Berikanlah kepada dua anak perempuan Sa'ad dua pertiga dari harta tersebut, emak mereka (isteri Sa'ad) satu persepuluh dan bakinya adalah bahagian kamu." Dengan penurunan ayat tersebut konsep '*male agnates*' atau '*asabah*' masih dikekalkan tetapi telah diubah suai agar pihak waris terdekat menerima hak mereka masing-masing. Hasil dari ini juga, satu konsep dalam ilmu faraid (yang diamalkan oleh golongan Sunni) waris terdekat didahulukan daripada waris yang jauh.<sup>14</sup> Dari sini, ternyata al-Quran telah memperkenalkan para pewaris yang baru tanpa menafikan kepentingan hak '*asabah*' yang terkandung dalam adat Arab.

Reformasi kedua yang agak penting diperkenalkan oleh al-Quran ialah dalam undang-undang keluarga dengan penekanan terhadap hak status wanita. Wanita di zaman Arab Jahiliyyah merupakan kaum yang dipandang rendah. Kelahiran anak perempuan dianggap membawa bencana. Akibatnya anak-anak kecil ini ditanam hidup-hidup. Begitu juga dalam persoalan undang-undang terhadap wanita. Dari contoh pembahagian pusaka di atas jelas kaum wanita tidak mendapat hak langsung

di bawah adat Arab. Wanita juga dianggap sebagai bahan jualan yang dieksploitasi oleh bapa mereka. Mereka dijual di bawah perkataan perkahwinan mengikut bayaran yang tinggi. Segala 'bayaran' atau dikenali dengan mahar diambil oleh bapa. Begitu juga dalam perceraian. Pihak suami berhak menceraikan isterinya tanpa sesuatu sebab yang munasabah dan boleh berlaku pada bila-bila masa. Amalan poligami juga dipraktik oleh suami tanpa had dan mengikut hawa nafsu. Ertinya, wanita dianggap sebagai barang mainan lelaki yang boleh disepak terajang pada bila-bila masa.

Perundangan Islam mengubah sistem ini walaupun tidak memansuhkan semua. Al-Quran memperkenalkan konsep mahar yang wajib diberi oleh pihak suami kepada isteri walaupun ia bukan dianggap rukun dalam perkahwinan. Pembayaran mahar ini diubah dari kepada bapa kepada isteri.<sup>15</sup>

Dalam konteks perceraian pula, hak mutlak suami dalam menceraikan isterinya sekurang-kurangnya dikawal dengan pengenalan waktu 'iddah. Pengenalan ini bertujuan untuk memberi masa kepada pihak suami berfikir secara masak kesian dari perceraian tersebut dengan harapan agar beliau dapat merujuk kembali isteri beliau. Apabila tamat 'iddah tersebut secara otomatis ikatan perkahwinan itu terurai dan tidak boleh dirujuk lagi. Begitu juga tentang hak suami untuk berpoligami, al-Quran telah menghadkan kepada empat isteri pada satu-satu masa, itupun ditekankan kalau mempunyai kemampuan.<sup>16</sup>

Reformasi ketiga yang diperkenalkan oleh al-Quran ialah dalam bidang mu'amalat. Banyak amalan adat Arab telah diberi tempat dalam bidang ini. Amalan ini dapat dilihat sama ada dikekalkan *in toto* atau diubahsuaikan. Dalam bidang mu'amalat ini, kontrak-kontrak Salam, Syirkah, Mudharabah dan Umra merupakan amalan dari adat Arab.<sup>17</sup> Sebagai contohnya, kontrak pinjaman yang mengeksploitasi golongan peminjam dengan kadar riba yang melampau ditukar kepada konsep Mudharabah. Dengan pengenalan kontrak jenis ini kedua-dua pihak akan menerima pulangan yang adil.

Reformasi keempat pula memainkan peranan penting dalam memelihara nyawa manusia melalui sistem jenayah. Dalam kes pembunuhan dan kecederaan fizikal, al-Quran menggariskan balasan yang adil berdasarkan "nyawa dengan nyawa, mata dengan mata, hidung dengan hidung, telinga dengan telinga, gigi dengan gigi dan luka ada qisasnya."<sup>18</sup> Di zaman pra Islam sistem yang dipraktikkan berbentuk zalim. Walaupun hanya seorang dari satu puak dibunuh, ia akan dibalas dengan dua nyawa atau lebih. Al-Quran memperkenalkan *maxim* yang radikal dengan mengubah sistem ini.

Dengan datangnya al-Quran, satu nyawa dibalas dengan satu. Sebenarnya sistem balasan setimpal (Qisas) berasal dari adat Arab yang dikenali dengan *al-Tha'ru*.<sup>19</sup> Begitu juga dengan sistem pembayaran Diyyah (*blood-money*). Ia merupakan hasil modifikasi dari adat Arab.<sup>20</sup>

Walaupun pembunuhan merupakan satu kesalahan, ia dianggap dari sudut undang-undang Islam sebagai kesalahan sivil. Berlainan dengan undang-undang Common yang diamalkan oleh Malaysia, kesalahan membunuh dianggap paling serius dan dikategorikan di bawah kesalahan jenayah.<sup>21</sup>

Walaupun al-Quran menyelesaikan persoalan yang timbul, namun dalam hal-hal yang menyentuh perundangan, umumnya al-Quran bersikap "membisu". Begitupun ia tidak mendatangkan sebarang masalah kepada umat Islam ketika itu kerana kehadiran Nabi Muhammad s. 'a.w. dan kewujudan adat Arab memainkan peranan penting dalam menyelesaikan segala permasalahan yang timbul.

Secara umumnya, dalam sesetengah perkara, al-Quran tidak langsung menyentuhnya dengan jelas. Tidak hairanlah cendekiawan Barat seperti Coulson dan Schacht menganggap al-Quran dalam hal ini bersifat "tidak sempurna."<sup>22</sup>

Zakat sebagai contoh, diulangi kefardhuannya beberapa kali tetapi tidak dijelaskan secara spesifikasi syarat-syaratnya. Begitu juga dalam kewajipan-kewajipan yang lain. Lazimnya yang berhubung dengan ibadat khusus kepada Allah s.w.t., seperti bersuci, solat, puasa dan haji, semuanya diterang dengan ringkas. Yang ditekankan ialah kefardhuannya tanpa method pelaksanaannya. Kesemua kewajipan ini diterangkan dengan terperinci dalam Sunnah. Dari sini, boleh kita katakan dalam hal-hal yang berhubung dengan Allah seperti persoalan ibadat semuanya diserahkan kepada Rasulullah s. 'a.w. untuk mengajarnya. Berlainan dengan persoalan yang melibatkan manusia iaitu hubungan manusia dengan manusia, al-Quran membawa perbincangannya dengan terperinci. Dengan ini konsep Ijtihad tidak diperlukan.

Persoalan-persoalan seperti hukuman Hadd, Qisas, hak sama rata, pembunuhan tanpa niat, pembunuh, pencuri, perompak, zina dan Qazaf, semuanya diterang dengan lengkap.

Dalam keadaan tertentu, kadang-kadang al-Quran tidak menjelaskan sesuatu perkara yang dilarang dengan tepat. Umpamanya dalam persoalan faraid seperti yang telah dibin cangkan sebelum ini. Wasiat terhadap keluarga terdekat dimansuhkan dengan sistem habuan yang ditetapkan. Bahagian-bahagian mereka telah dikenal pasti dengan terang.<sup>25</sup>

Tetapi bagaimana pula persoalannya jika diwasiatkan kepada orang luar atau keluarga terjauh. Ataupun dalam wasiat keluarga terdekat, adakah ia dianggap sah seandainya dipersetujui oleh mereka? Semua persoalan ini tidak dijawab oleh al-Quran. Dalam hal ini al-Sunnah menerangkan semua kemusykilan tersebut dengan terperinci. Seseorang Muslim boleh mewasiatkan kepada keluarga terdekat seandainya dipersetujui oleh mereka semua dengan syarat ia tidak melebihi satu pertiga dari harta pewasiat. Begitu juga dengan persoalan mewasiatkan kepada orang luar atau keluarga jauh dengan syarat ia tidak melebihi satu pertiga dari jumlah harta tersebut.<sup>26</sup>

Perkara lain yang menarik ialah persoalan meminum arak<sup>27</sup>, berjudi<sup>28</sup> dan pengambilan riba.<sup>29</sup> Meskipun hal-hal ini mempunyai kaitan yang besar dalam undang-undang, hukumannya tidak disebut. Hukuman bagi orang Islam yang meminum arak hanya didapati dalam al-Sunnah. Meskipun begitu, ia menjadi perselisihan ulama sama ada pesalah berkenaan disebut sebanyak 80 kali atau 40 kali.<sup>30</sup> Manakala berjudi dan pengambilan riba, walaupun haram tidak ditentukan hukumannya sama ada dalam al-Quran mahupun al-Sunnah (hukuman yang diterangkan hanyalah di akhirat iaitu masuk neraka<sup>31</sup>). Tetapi di bawah kerajaan Islam silam, hukuman bagi mereka yang berjudi diperuntukkan di bawah kategori Ta'zir.

Namun, pengambilan riba walaupun masih menjadi satu kesalahan sosial tetapi ia hanya diserahkan kepada individu. Justeru itu, penyelesaian kesalahan-kesalahan seperti berjudi dan pengambilan riba menitikberatkan moral seseorang Muslim dan ianya terserah kepada individu masing-masing.<sup>32</sup>

Melihat kepada ayat-ayat al-Quran yang menyentuh undang-undang seperti yang dibincangkan di atas, kita dapat membuat kesimpulan bahawa perundangan Islam lebih banyak dipengaruhi oleh amalan adat Arab. Tetapi adat Arab bukanlah suatu undang-undang yang lengkap dan tersusun. Justeru itu, kita tidak dapat menganggap adat mereka sebagai satu kod undang-undang kerana sistem perundangan mereka adalah terlalu dasar dan tidak sempurna.<sup>33</sup> Dalam hal ini, dapat kita katakan yang al-Quran memainkan peranan dalam membentuk undang-undang yang wujud ke arah yang lebih sistematis dan menyeluruh. Akhirnya, dalam segala persoalan, al-Quran dan Nabi Muhammad s. 'a.w. merupakan rujukan terakhir. Melihat kepada surah V (*al-Ma'idah*), kita dapati Nabi Muhammad s. 'a.w. banyak memberi peranan dalam perkembangan undang-undang Islam itu sendiri.<sup>34</sup> Meskipun begitu, al-Quran tidak boleh dianggap sebagai satu kod undang-undang yang menyeluruh.

#### NOTA KAKI

1. Schacht, *An Introduction to Islamic Law*, Oxford, 1987 (re-printed), h. 15 ff.
2. Ahmad Hidayat Buang, "The Influence of Customary Practices In And Around Arabia In The Early Centuries of Islam To The Understanding of historical Development of Islamic Law". *Monograf Syariah 1*, 1993, h. 52.
3. Bagi Barat, kerajaan Umayyah yang dipimpin oleh Muawiyah tidak dianggap Islamic. Mereka beranggapan kerajaan kedua ini telah dipengaruhi oleh fahaman sekular.
4. Coulson, *A History of Islamic Law*, Edinburgh, 1964, h. 10-11.
5. Coulson, *Succession In the Muslim Family*, Cambridge University Press, 1971, h. 108.
6. al-Quran, 2: 219.
7. al-Quran, 4:43.
8. al-Quran, 5:90-91; S. Mahmassani, *The Philosophy of Jurisprudence in Islam*, (translated by Farhat J. Zia deh), Penerbitan Hizbi, 1987, h. 67.
9. Coulson, *A History of Islamic Law*, *op.cit.*

10. Coulson, *Ibid.*
11. D. Pearl, *A Text on Muslim Personal Law*, 2nd. Ed., 88 Croom Helm, London, 1987, h. 1.
12. *Ibid.*, lihat juga Coulson, *op.cit.*, h. 13.
13. *Ibid.*
14. Coulson, *Seccession in the Muslim Family*, *op.cit.*, h. 29. Bagi golongan Syiah, konsep 'asabah dimansuhkan dengan alasan tidak wujud dalam al-Quran. Ia hanya berdasarkan kepada Sunnah Rasulullah s.a.w. Oleh itu, sistem faraid yang diamalkan oleh golongan ini bersifat 'straight forward'. Para waris terdekat menghalang waris yang jauh dari menerima harta pusaka tersebut di bawah konsep "habuan pasir kepada waris 'asabah". Lihat Coulson, *Ibid.*, h. 108 & 112.
15. al-Quran, 4:19.
16. al-Quran, 4:3.
17. Ahmad Hidayat Buang, *op.cit.*, h. 54.
18. al-Quran, 5:45.
19. Coulson, *A History of Islamic Law*, *op.cit.*, h. 18.
20. *Ibid.*, Lihat juga Dilip Hiro, *Islamic Fundamentalism*, Paladin, London, 1988, h. 7.
21. *Ibid.*, Lihat J.N.D. Anderson, "Homicide in Islamic Law", *Bulletin of SOAS*, 1959, h. 811, ff.
22. Coulson, *op.cit.*, h. 19; Schacht, *op.cit.*, h. 12-13.
23. Abdur Rahman I Doi, *Shari'ah: The Islamic Law*, Re-printed in Malaysia, A.S. Noordeen, Kuala Lumpur, 1984, h. 38-39.
24. *Ibid.*
25. al-Quran, 4:7, 11-12.
26. Coulson, *Succession in the Muslim Family*, *op. cit.* h. 213-214.
27. al-Quran, 2:219; 4:43; 5:90, f..
28. al-Quran, 5:90.
29. al-Quran, 2:275, 276, 278-281.



30. Wahbah al-Zuhaili, *al-Fiqhu al-Islami Wa Adillatuhu*, Juzuk 6, cetakan ketiga, 1409H/1989, Darul Fikr, h. 155 ff.
31. Schacht, *op.cit.*, h. 13.
32. S. D. Goitein, "The Birth-hour of Muslim Law". *The Muslim World*, Vol. 50, 1960, h. 24.
33. Ahmad Hidayat Buang, *op.cit.*, h. 55.
34. S. D. Goitein, *op.cit.*, h. 29.